

07/10/1999

Pas tidak faham dasar luar negara

Izzul Aqil

TUDUHAN Pas bahawa kerajaan kini mengiktiraf dan mahu mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel adalah gimik politik bertujuan memperkecilkan usaha kerajaan dalam isu Palestin, selain menarik perhatian rakyat terhadap parti itu.

Pas mengkritik hebat kerajaan dengan menuduh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengadakan pertemuan rasmi dengan Menteri Luar Israel, David Levy di New York bagi tujuan berkenaan.

Pas menggunakan saluran Internet untuk mengkritik dan menuduh kononnya Malaysia terjerumus dalam kancah konspirasi Yahudi untuk menghancurkan kebangkitan Islam di Asia Tenggara hasil usaha itu.

Malah dalam soal hubungan dengan Israel ini, Pas masih sempat mengaitkan kononnya pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim membuktikan bahawa kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah di bawah telunjuk Yahudi yang menghancurkan Islam di Malaysia.

Pas seolah-olah "membutakan mata dan memekakkan telinga" terhadap sikap dan kenyataan Israel bahawa Malaysia adalah negara Islam yang ekstrim.

Apakah maksud daripada kenyataan Israel ini?

Jelas sekali negara Yahudi itu melihat Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang tidak bertolak ansur dengan perkara membabitkan kepentingan Islam dan orang Islam di seluruh dunia.

Dengan kata lain, Malaysia adalah "pejuang masyarakat Islam dunia" yang menentang sebarang kekejaman dan penganiayaan terhadap orang Islam seperti yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Arab Palestin, sama ada di Tebing Barat mahupun di Gaza.

Malah, Tel Aviv menganggap Kuala Lumpur sebagai peneraju dalam mengkritik Israel dalam sidang dan forum Islam di peringkat antarabangsa.

Fungsi ini sewajarnya diambil oleh negara-negara Arab yang berjiran dengan Israel tetapi kita pula yang berada di barisan hadapan dalam menghadapi Israel.

Kenapa? Kerana suara negara-negara berkenaan bisu. Malaysia sebaliknya dengan lantang memperjuangkan isu rakyat Palestin sejak sekian lama.

Kalau tidak kerana kesungguhan kita, tidak mungkin Presiden Palestin, Yasser Arafat sudah dua kali melawat Malaysia dan memberikan sanjungan yang tinggi kepada Malaysia dan Dr Mahathir.

Dalam soal Palestin ini, kita tidak mengehadkan perjuangan terhadap nasib mereka di persidangan yang disertai oleh orang Islam semata-mata, khususnya Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Kita lantang di forum antarabangsa lain, umpamanya Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) serta juga di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kita juga menganjurkan mesyuarat khusus mengenai isu Palestin di Kuala Lumpur di atas kesedaran bahawa pembinaan semula negara Palestin perlu disegerakan.

Walaupun Israel mahu berbaik-baik dengan negara rantau sebelah sini selepas mengadakan hubungan diplomatik dengan Singapura, Malaysia bertegas tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi beberapa perkara berkaitan masalah Palestin tidak diselesaikan.

Seperti ditegaskan Seri Syed Hamid baru-baru ini: "Malaysia berpegang tidak akan mengadakan hubungan diplomatik selagi beberapa isu termasuk Palestin selesai dan kedamaian menyeluruh di Asia Barat diwujudkan".

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut

menyatakan pendirian Malaysia mengenai perkara ini bahawa Malaysia tetap mengekalkan dasar tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel.

Pas sepatutnya faham bahawa sebarang pertemuan tidak rasmi adalah perkara biasa yang dilakukan di mana-mana persidangan antarabangsa.

Pemimpin dan diplomat Malaysia sebagai ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu anggota Majlis Keselamatan sering bertemu dari semasa ke semasa dengan pemimpin dan diplomat pelbagai negara termasuk Israel semasa persidangan PBB di New York itu.

"Itulah satu kebiasaan dalam menjalankan tugas harian," demikian ditegaskan oleh Menteri Luar.

Saya menyokong pandangan kerajaan khususnya Menteri Luar kerana hanya melalui pertemuan secara berdepan kita dapat menyatakan sikap secara lebih terbuka.

Seperti yang dilakukan oleh Syed Hamid, ketika pertemuan tidak rasmi itulah Malaysia dapat menyatakan sikap kita kenapa hubungan diplomatik tidak dapat diadakan dengan mereka.

Malah dengan tegas, Malaysia mendesak rejim Tel Aviv melaksanakan perjanjian damai dengan Palestin.

Pas sewajarnya faham kerajaan, sejak kepemimpinan Tunku Abdul Rahman Putra lagi, memperjuangkan isu Palestin secara bersungguh-sungguh. Tetapi apa yang dilakukan Pas sejak 1960-an dalam isu ini?

Apa yang jelas, Pas nampaknya mahu mengambil apa saja peluang untuk kepentingan politiknya, biarpun kadangkala membuat tuduhan yang bukan-bukan selain menonjolkan kedangkalan dan kurang pengetahuannya mengenai dasar luar.

Inilah tembelang parti yang mendakwa dirinya mampu dan mahu memerintah Malaysia!